

8.12.2018

KENYATAAN MEDIA

oleh Dato' Ir. Jaseni Maidinsa,
Ketua Pegawai Eksekutif,
PBA Holdings Bhd (PBAHB) dan
Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP)

PBAPP TERIMA “ANUGERAH KECEMERLANGAN MAKMAL” IKM UNTUK DUA TAHUN BERTURUT-TURUT

- **Makmal Pusat PBAPP mengekalkan akreditasi bagi piawaian MS ISO/IEC 17025: 2005 untuk ujian air mentah, air bersih dan air terawat.**

PULAU PINANG, Sabtu, 8.12.2018: Institut Kimia Malaysia (IKM) telah menyampaikan “Anugerah Kecemerlangan Makmal” kepada Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP) untuk dua tahun berturut-turut.

Anugerah ini sekaligus mengiktiraf prestasi Makmal Pusat PBAPP di Loji Rawatan Air Sungai Dua (LRA Sg Dua) dalam tahun 2018.

IKM telah menjalankan audit ke atas makmal berkenaan pada 23.8.2018, dan menyampaikan anugerah kepada PBAPP pada majlis “Malam Kimia 2018” di Hotel Royale Chulan Damansara di Petaling Jaya pada 7.12.2018.

Ini adalah anugerah kedua IKM kepada PBAPP. Tahun lalu, kali pertama PBAPP menerima “Anugerah Kecemerlangan Makmal” dari IKM pada 8.12.2017.

SIGNIFIKAN ANUGERAH

Anugerah IKM mengiktiraf komitmen PBAPP untuk ujian analitikal air yang kompetan, berdasarkan piawaian MS ISO/IEC 17025: 2005.

Pada tahun 2017, PBAPP membekalkan purata 826.3 juta liter air terawat sehari (MLD) di Pulau Pinang. Lebih 80% air terawat diproses di LRA Sg Dua.

Diketuai oleh 2 ahli kimia, pasukan 13 orang di Makmal Pusat terletak di

LRA Sg Dua ini ditugaskan untuk menguji kualiti air mentah, air bersih dan air terawat.

Prosedur ujian ini membantu memastikan PBAPP menghasilkan air terawat yang melebihi parameter yang ditetapkan dalam Program Jaminan Kualiti (QAP) yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) secara konsisten.

KUALITI AIR TERAWAT PULAU PINANG

PBAPP dan Jabatan Kesihatan Pulau Pinang, bersama-sama membuat persampelan dan menguji kualiti air terawat di Pulau Pinang, di loji rawatan setiap minggu dan di saluran paip utama pada setiap bulan.

Pada tahun 2017, keputusan ujian terhadap 3,054 sampel air terawat di Pulau Pinang menunjukkan bahawa “produk” PBAPP melebihi parameter QAP MOH untuk:

- E. Coli + Klorin bebas
- Bakteria E-coliform
- Turbidity (NTU)
- Klorin bebas
- Aluminium

Keputusan ujian ini mencerminkan komitmen berterusan PBAPP membekalkan air terawat kualiti terbaik di Pulau Pinang, untuk keselamatan dan kesejahteraan 1.76 juta rakyat.

Terima kasih.

Dato' Ir. Jaseni Maidinsa,
Ketua Pegawai Eksekutif,
PBA Holdings Bhd (PBAHB) dan
Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP)

Dikeluarkan oleh : Puan Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah
Unit Komunikasi Korporat
Tel : 04-200 6607
Email : syarifah@pba.com.my



MALAM KIMIA & PRESENTATION OF IKM AWARDS 2018

GUEST OF HONOUR
YEN NADIASSAH MUNIRAH MAJID
DEPUTY CHAIRMAN, SOCIETY OF CHEMISTS MALAYSIA (DLO)





Institut Kimia Malaysia

This is to certify that

PERBADANAN BEKALAN AIR PULAU PINANG LABORATORY

(PBA LAB), SUNGAI DUA TREATMENT PLANT,
JALAN MERBAU KUDONG, 13800 SUNGAI DUA, PULAU PINANG

has been bestowed the

IKM LABORATORY EXCELLENCE AWARD

In the testing of

1. Treated Water
2. Settle Water
3. Raw Water

DATE: 07 DECEMBER 2018

.....
DATUK DR SOON TING KUEH
PRESIDENT
INSTITUT KIMIA MALAYSIA

.....
MR CHANG HON FONG
CHAIRMAN
IKM LABORATORY
EXCELLENCE AWARD
COMMITTEE 2018